

MCA P.Pinang Terus Komited Bantu Rakyat Selepas PRU13
Bernama
23 Mei, 2013

GEORGE TOWN, 23 Mei (Bernama) -- MCA Pulau Pinang terus komited membantu rakyat di negeri itu biarpun tidak memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya umum ke-13 lepas.

Timbalan Pengerusi MCA negeri Datuk Dr Loh Hock Hun berkata kesemua pusat khidmat MCA di negeri itu beroperasi seperti biasa dan masih menerima kunjungan orang ramai yang memerlukan bantuan.

"Semua rakyat ini kita anggap macam kawan. Selagi mampu, kita akan terus tolong kerana ini prinsip yang saya amalkan sejak dahulu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Loh yang juga Pengarah Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (Kojadi) sebelum itu hadir majlis penyampaian pinjaman Skim Pinjaman Mikro Kredit 1MCA berjumlah RM70,000 kepada empat penerima.

Mengenai pinjaman itu, Loh berkata walaupun disalurkan menerusi MCA, pinjaman terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 45 tahun ke bawah yang berminat memulakan atau memperluaskan perniagaan.

"Jika tiada masalah kita boleh proses permohonan kurang dari sebulan. Minimum pinjaman yang boleh diluluskan antara RM5,000 hingga RM20,000 manakala bayaran balik dalam tempoh lima tahun dengan faedah empat peratus," katanya.

Sementara itu, Loh menyifatkan cadangan pemangku Presiden Gerakan Datuk Chang Ko Youn agar semua parti komponen Barisan Nasional (BN) bergabung menjadi satu parti, adalah pendapat peribadi sahaja.

Katanya yang lebih penting sekarang ialah semua pemimpin BN duduk berbincang dan mencari penyelesaian terbaik mengenai perubahan yang perlu dilakukan oleh BN.

"Semua orang ada pandangan masing-masing. Saya mungkin boleh bersetuju atau tidak bersetuju kerana ia hanya berada dalam peringkat cadangan," katanya.

Chang dalam kenyataannya semalam berkata cadangan itu adalah transformasi yang wajar dilakukan BN untuk meraih kembali sokongan rakyat dan mengelakkan masalah perkauman serta memenuhi aspirasi rakyat terutama generasi muda.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951691>